Great Eastern
A member of the OCBC Group

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE
(MALAYSIA) BERHAD

Unit Dana Laporan Tahunan 2024

Bagi Tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024

- Dana Gemilang
- Dana Restu
- Dana Sejati
- Dana Lion Advanced Strategic
- Dana Lion Asia Pac
- Dana Lion AU-i
- Dana Lion Balanced
- Dana Lion Enhanced Equity
- Dana Lion Fixed Income
- Dana Lion Growth
- Dana Lion Progressive
- Dana Lion Small Mid Cap
- Dana Lion Strategic
- Dana Lion UK-i
- Dana Lion US-i
- Dana Lion ASEAN
- Dana Lion Equity Global Sustainability

kandungan

1	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
3	Objektif Dana
5	Tinjauan dan Prospek Pelaburan
7	Prestasi Dana Tahun 2024
16	Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024
25	Penyata Aset Dan Liabiliti pada 31 Disember 2024
34	Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024
43	Nota-Nota Maklumat Kewangan
203	Penyata Pengurus
204	Laporan Juruaudit Bebas
207	Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kepada Pemilik Polisi Berkaitan Pelaburan

Kami dengan sukacita membentangkan Laporan Tahunan 2024 Unit Dana Great Eastern ("UFs") yang terdiri daripada Dana Restu (DR), Dana Sejati (DS), Dana Lion Balanced (LBF), Dana Lion Fixed Income (LFIF), Dana Lion Growth (LGF), Dana Lion Progressive (LPF), Dana Lion Strategic (LSF), Dana Lion Advanced Strategic (LASF), Dana Lion Small Mid Cap (LSMCF), Dana Lion US-i (USI), Dana Lion UK-i (UKI), Dana Lion AU-i (AUI), Dana Lion Asia Pac (LAPF), Dana Lion Enhanced Equity (LEEF), Dana Gemilang (DG), Dana Lion ASEAN (LAF), dan Dana Lion Equity Global Sustainability untuk tahun berakhir 31 Disember 2024.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Meskipun suasana pasaran adalah tidak menentu, semua dana ekuiti andalan konvensional kami berjaya mencatatkan pulangan positif pada 2024. Dana yang mencapai prestasi terbaik ialah LSMCF, yang mencatakan pulangan +26.6%. Dana lain yang menunjukkan prestasi yang baik pada 2024 ialah LSF, LGF, LEEF, LPF, LAF, LBF, dan LASF yang masing-masing mencatatkan pulangan +22.5%, +21.3%, +17.6%, +17.2%, +17.1%, +15.1%, dan +10.0%. Bagi dana Syariah, DG mencatatkan pulangan +12.0%, manakala pulangan untuk DR ialah +17.3%.

Selepas beberapa tahun pasaran ekuiti Malaysia berusaha untuk mencapai pulangan lebih tinggi, pasaran ekuti Malaysia akhirnya mencatatkan salah satu prestasi terbaik pada 2024, dengan FBM KLCI mencatatkan pulangan +12.9%, manakala FBM 100, FBM 70, dan Indeks FBM Small Cap masing-masing mencatatkan pulangan +16.9%, +28.9%, dan +9.9%. Pasaran ekuiti Malaysia telah mencapai prestasi kedua terbaik di ASEAN selepas Indeks Straits Times Singapura, dengan sektor pembinaan, utiliti dan hartanah mendahului dalam mencapai keuntungan mantap. Di sebalik ketakpastian geopolitik yang berpanjangan disebabkan serangan Iran ke atas Israel pada 13 April dan kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden AS pada 5 November, pasar ekuiti global utama mengakhiri tahun dengan kukuh apabila Federal Reserve memulakan kitaran potongan kadar pada 18 November apabila kebimbangan berhubung kemerosotan di AS tidak menjadi kenyataan. Sebahagian inisiatif dasar, termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), dan pertambahan pelaburan diluluskan dalam pusat-pusat data menyediakan latar positif untuk bursa dalam negeri. Institusi-institusi dalam negeri tempatan menyokong pasaran dengan aliran masuk RM9.9 billion, manakala aliran keluar dana asing bernilai RM4.2 bilion. Pemilikan saham asing dalam pasaran mengakhiri tahun pada 19.7% selepas mencecah 20.9% untuk tempoh yang singkat pada Oktober.

Dana pendapatan tetap mencatatkan pulangan positif kukuh pada 2024. LFIF mencatatkan pulangan 4.5% berbanding penanda aras 2.7% yang dicatatkan deposit tetap konvensional 12 bulan, manakala DS mencatatkan pulangan 4.7% berbanding pulangan deposit Mudharabah 12 bulan sebanyak 2.4%. Dalam tempoh 5 tahun dan 10 tahun, LFIF mencatatkan pulangan tahunan berdaftar masing-masing 3.3% and 4.7% (berbanding pulangan deposit tetap tahunan 2.4% dan 2.8%). DS pula mencatatkan pulangan 4.3% dan 5.4% masing-masing (berbanding pulangan deposit Mudharabah tahunan 2.1% dan 2.5%).

2024 merupakan tahun yang positif untuk pasaran pendapatan tetap Malaysia, walaupun tidak menyamai paras yang dicapai pada 2023. Tahun ini ditentukan oleh bank-bank pusat utama memulakan kitaran potongan kadar mereka, pilihan raya penting, masalah ekonomi China, penarikan balik dagangan bawa ke depan, dan geopolitik. Manakala Perbendaharaan AS dan jangkaan pasaran bagi penetapan harga semula unjuran potongan kadar oleh US Federal Reserve (Fed) mempunyai pengaruh ketara ke atas hasil bon Malaysia, pasaran bon dalam negeri umumnya mengekalkan prestasinya disebabkan permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri. Hasil bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 10 tahun mengakhiri tahun ini 11 bps lebih tinggi daripada tahun sebelumnya, manakala MGS 30 tahun mengakhiri 2024 dengan 6 bps lebih rendah disebabkan sokongan kukuh untuk tempoh tersebut oleh dana pencen tempatan. Walau bagaimanapun, sentimen berhati-hati menguasai akhir tahun apabila pasaran bersedia untuk ketakpastian dengan dasar inflasi apabila Trump mengambil alih pentadbiran, yang mungkin merumitkan keputusan Fed untuk melonggarkan dasar monetari.

Manakala pelabur Pendapatan Tetap pada 2024 perlu berhadapan dengan kemungkinan penurunan kadar oleh bank-bank pusat utama, keghairahan dan kedudukan perdagangan pada kitaran potongan kadar mungkin tidak berulang pada 2025. Ketakpastian meningkat melebihi paras biasa, sebahagian besarnya disebabkan Fed yang terlalu bergantung pada data dan juga peralihan kepada pentadbiran Trump. Walau apa pun, pendapatan tetap Malaysia dijangka akan terus mendapat manfaat daripada permintaan kecairan kukuh daripada pelabur dalam negeri dan bekalan sekuriti kerajaan yang lebih rendah pada 2025, di ketika kerajaan meneruskan usaha pengukuhan fiskal. Kadar Dasar Semalaman dijangka tidak akan berubah pada tahun ini. Walaupun risiko inflasi lebih tinggi mungkin disebabkan oleh upah lebih tinggi, perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan, dan rasionalisasi subsidi bahan api, Bank Negara Malaysia lebih berkemungkinan akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan dengan mengambil kira ketakpastian masa hadapan.

Umumnya, di sebalik ketakpastian dan ketaktentuan yang semakin meningkat, kedua-dua pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap tempatan dijangkakan akan berdaya tahan pada 2025. Dana-dana akan terus diberikan keutamaan untuk pulangan mampan jangka panjang.

Dato Koh Yaw Hui
Ketua Pegawai Eksekutif

OBJEKTIF DANA

1. DANA GEMILANG*

Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti yang mematuhi Syariah.

2. DANA RESTU*

Sebuah dana yang 70% hingga 100% daripada instrumen pelaburannya adalah ekuiti yang mungkin memberi pulangan yang tidak menentu dalam jangka masa pendek. Dana ini kenaikan modal dalam jangka masa sederhana dan panjang. Dana Restu melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah.

3. DANA SEJATI*

Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan Syariah, contohnya sukuk kerajaan dan korporat serta dilaburkan dalam kertas/deposit pasaran mata wang Islam. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.

4. DANA LION BALANCED

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada kadar turun naik yang sederhana.

5. DANA LION FIXED INCOME

Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat serta dalam bentuk tunai dan setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.

6. DANA LION GROWTH

Dana yang memperuntukkan 70% hingga 100% daripada instrument pelaburan adalah ekuiti yang mungkin mempunyai kadar turun naik yang tidak stabil dalam jangka pendek. Dana ini menyasarkan kenaikan modal dalam jangka masa sederhana dan panjang.

7. DANA LION PROGRESSIVE

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.

8. DANA LION STRATEGIC

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana.

9. DANA LION US-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P500 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

OBJEKTIF DANA

10. DANA LION UK-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi FTSE100 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

11. DANA LION AU-i

Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P/ASX200 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.

12. DANA LION ASIA PAC

Dana sandaran yang mempunyai matlamat untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur khususnya dalam pasaran ekuiti rantau Asia Pasifik (kecuali Jepun). Dana ini melabur dalam pasaran yang telah berkembang dan maju. Pelaburan tidak memberi tumpuan kepada mana-mana industri atau sektor tertentu.

13. DANA LION ENHANCED EQUITY

Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.

14. DANA LION SMALL MID CAP

Dana ini mensasarkan kenaikan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti Permodalan Pasaran Kecil dan Sederhana (Small Mid Cap) di Malaysia. Sebahagian daripada pelaburannya mungkin dibuat dalam ekuiti Small Mid Cap asing (Asia Pasifik, tidak termasuk Jepun), jika dan apabila perlu, untuk meningkatkan pulangan pelaburan.

15. DANA LION ADVANCED STRATEGIC

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang di Malaysia dan syarikat yang mempunyai operasi perniagaan bererti di Asia. Terdapat kefleksibilan dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh melabur hanya dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Skim pelaburan kolektif seperti amanah saham, dana bersama, dan dana dagangan bursa yang melabur dalam kelas aset pendasar mungkin dipertimbangkan. Objektif dana ini ialah untuk memaksimumkan kenaikan modal dalam jangka sederhana hingga panjang di samping mengurangkan risko dan/atau meningkatkan pulangan melalui tukar ganti kelas aset secara dinamik dan tepat pada masanya di dalam pasaran berlainan pada bila-bila masa.

16. DANA LION ASEAN

Dana yang 80% hingga 100% pelaburan dibuat dalam ekuiti. Dana ini berusaha untuk memaksimumkan naik nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dalam pasaran ASEAN, termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina, untuk mencapai portfolio terpelbagai. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang jangka pendek dalam negara, termasuk tunai. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam kelas aset sandaran seumpamanya boleh dipertimbangkan.

17. DANA LION EQUITY GLOBAL SUSTAINABILITY

Dana penyalur yang bertujuan memaksimumkan jumlah pulangan melalui pempelbagaian dalam pasaran ekuiti global dan penglibatan dalam pertumbuhan dinamik pasaran modal dunia. Dana ini juga diuruskan secara yang konsisten dengan prinsip pelaburan bertumpukan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus.

NOTA:

* Walaupun dana-dana ini dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah, pelan insurans berkaitan pelaburan yang menggunakan dana tersebut tidak diklasifikasik

TINJAUAN DAN PROSPEK PELABURAN

TINJAUAN PASARAN EKUITI 2024

2024 adalah tahun yang positif untuk sebahagian besar pasaran ekuiti global memandangkan selepas dua tahun kadar faedah meningkat pada kadar paling pantas dalam beberapa dekad, pelabur mengalihkan perhatian kepada kecenderungan dovish US Federal Reserve (Fed) menjelang akhir 2023, dengan pasarah buruh yang kukuh dan cetakan inflasi yang jelas melekit. Akibatnya, jangkaan untuk potongan kadar ditangguhkan dari Mac kepada separuh kedua 2024. Fed akhirnya melaksanakan potongan kadar 50 mata asas pada 18 September. Pengerusi Fed, Jerome Powell, merujuk kepada langkah tersebut sebagai "penentukuran semula" yang mengambil kira penurunan inflasi mendadak sejak 2023. Ketaktentuan geopolitik disebabkan serangan yang dilancarkan oleh Iran ke atas Israel pada 13 April dan 1 Oktober tidak mempunyai kesan ke atas pelabur walaupun serangan itu mempunyai kesan sementara ke atas harga minyak. Pasaran ekuiti AS menerima rangsangan tambahan pada November selepas pilihanraya Presiden AS mengembalikan kuasa kepada Donald Trump untuk penggal kedua. Dow Jones Industrial Average, S&P 500, dan Nasdaq Composite mengakhiri tahun ini masing-masing dengan pulangan +12.9%, +23.3%, dan +28.6%. Ekonomi China terus menunjukkan pemulihan dua tahap sepanjang sebahagian besar 2024, dengan sektor eksport dan pelaburan aset tetap pembuatan menunjukkan prestasi lebih baik, manakala sektor hartanah dan penggunaan kekal bergerak lebih perlahan. Ketaktentuan terus mencirikan pasaran ekuiti China apabila pelabur bergerak balas kepada usaha tidak terancang penggubal dasar dalam melaksanakan lebih banyak langkah rangsangan. Pasaran akan terus mencerap bagaimana Beijing mempergiatkan hala dasar dalam menangani tarif yang akan dilkenakan oleh AS. Dari segi prestasi, Indeks Hang Seng dan Indeks Hang Seng China Enterprise masing-masing mencatatkan pulangan +17.8% and +26.4%.

Prestasi pasaran ASEAN umumnya adalah bercampur-campur pada 2024 dengan tiga pasaran teratas, iaitu Indeks Straits Times Singapura, FBM KLCI Malaysia, dan Indeks Stock Exchange PSEi Filipina masing-masing mencatatkan pulangan +16.9%, +12.9%, dan +1.2%. Untuk Malaysia, pengumuman inisiatif dasar termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), dan pertambahan pelaburan diluluskan adalah antara beberapa tumpuan utama. Naratif dolar AS yang kukuh/ mata wang Asia yang lemah adalah ciri utama pasaran dan, selain Indonesia, semua pasaran ASEAN lain menyaksikan aliran keluar dana asing. Malaysia menyaksikan aliran keluar dana asing bernilai RM4.2 bilion dengan pemilikan saham asing sebanyak 19.7%.

TINJAUAN PASARAN PENDAPATAN TETAP 2024

2024 merupakan tahun yang positif untuk pasaran pendapatan tetap Malaysia, walaupun tidak menyamai paras pada 2023. Tahun ini ditentukan oleh bank-bank pusat utama memulakan kitaran potongan kadar mereka, pilihanraya penting, masalah ekonomi China, penarikan balik dagangan bawa ke depan dan geopolitik. Manakala Perbendaharaan AS dan jangkaan pasaran bagi penetapan harga semula unjuran potongan kadar oleh Fed mempunyai pengaruh ketara ke atas hasil bon Malaysia, pasaran bon dalam negeri umumnya mengekalkan prestasinya disebabkan permintaan kukuh daripada pelabur dalam negeri. Hasil bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 10 tahun mengakhiri tahun ini 11 bps lebih tinggi daripada tahun sebelumnya, manakala MGS 30 tahun mengakhiri 2024 6 bps lebih rendah disebabkan sokongan kukuh untuk tempoh tersebut oleh dana pencen tempatan. Walau bagaimanapun, sentimen berhati-hati menguasai akhir tahun apabila pasaran bersedia untuk ketakpastian dengan dasar inflasi apabila Trump mengambil alih pentadbiran, yang mungkin merumitkan keputusan Fed untuk melonggarkan dasar monetari.

Pasaran MGS terikat kepada julat pada sebahagian besar 2024. MGS 10 tahun mencapai paras tertinggi 4.00% pada April apabila data AS adalah lebih baik daripada yang dijangkakan, serentak dengan ketegangan yang semakin buruk di Timur Tengah melonjakkan harga minyak ke paras lebih tinggi. Paras terendah 3.675% dicatatkan pada Ogos apabila laporan pekerjaan AS adalah mengecewakan dengan kejatuhan, dan bersama dengan kenaikan kadar oleh Bank of Japan (BoJ) menyebabkan kemerosotan pasaran yang cepat. Perdagangan bawa ke depan yang diwujudkan untuk mengambil kesempatan ke atas dasar monetari sangat longgar BoJ ditarik balik, dan ini menyebabkan kenaikan nilai Yen yang ketara berbanding USD. Walau bagaimanapun, kekalutan ini tidak berlarutan lama kerana pegawai BoJ dan Fed telah mengeluarkan kenyataan untuk mententeramkan pasaran.

Berhubung mata wang dalam negeri, Ringgit melepasi 4.8000, paras yang tidak pernah dicatatkan sejak Krisis Kewangan Asia 1998. Bank Negara Malaysia bergerak balas dengan meningkatkan usaha penglibatannya untuk menggalakkan lebih banyak penghantaran pulang pendapatan pelaburan asing dan penukaran semula kepada Ringgit. Menjelang akhir tahun, Ringgit merupakan salah satu mata wang dengan prestasi terbaik di rantau ini, mencatatkan keuntungan 2.72% berbanding USD, hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan Bank Negara, pelaburan asing, reformasi berterusan oleh kerajaan, dan prospek ekonomi yang memberangsangkan.

TINJAUAN DAN PROSPEK PELABURAN

Dengan berlatarkan Hasil Perbendaraan AS yang tinggi dan kekukuhan USD yang luas, ia adalah tidak memeranjatkan bahawa pelabur asing tidak berpuas hati dengan hutang Pasaran Baharu. Pelabur asing adalah penjual bersih Pendapatan Tetap Malaysia dalam suku terakhir tahun ini, dengan pemilikan mereka merosot sebanyak RM13 bilion dalam tempoh tersebut. Namun, untuk setahun penuh, aliran masih agak positif dan pelabur asing memegang gabungan 21.2% MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan pada akhir 2024 (2023: 22.7%).

Akhir sekali, bekalan rendah Sekuriti Hutang Swasta, berserta dengan permintaan pelabur untuk hasil, menyebabkan tebaran kredit lebih sempit. Ini adalah lebih ketara bagi tempoh lebih panjang, dengan pelabur sanggup menerima tebaran sehingga 21 bps lebih sempit berbanding tahun sebelumnya.

PROSPEK PASARAN EKUITI 2025

Ekonomi global mengakhiri 2024 dengan pencapahan lebih besar. Indeks Pengurus Perolehan (PMI) menunjukkan pecutan baharu dalam perkhidmatan, manakala pembuatan mengecut dalam suasana perbelanjaan modal yang lemah dan ketakpastian semakin ketara behubung suasana dagangan global masa hadapan. Kelemahan ini kekal tertumpu di Eropah dan China, manakala AS terus menunjukkan prestasi lebih baik, dibantu oleh sentimen lebih baik selepas pilihanraya Presiden AS. Prospek lebih rendah untuk potongan kadar oleh Fed dan dolar yang lebih kukuh telah mengganggu kitaran potongan kadar global, yang melewatkan khususnya pelonggaran dasar dalam pasaran baharu, dengan agenda dasar fiskal dalam negeri turut memacu pencapahan. Kadar dan hasil global kembali pulih, didorong terutamanya oleh aktiviti-aktiviti kukuh AS dan data inflasi yang menyebabkan pelonggaran dasar AS semakin berisiko. Nada hawkish diperlihatkan dalam plot titik terkini yang menunjukkan hanya 50 bps dalam potongan untuk 2025, lebih rendah daripada 100 bps pada September. Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee) bimbang inflasi akan kekal melekit, mungkin dengan didorong oleh dasar-dasar pentadbiran baharu yang akan menyebabkan inflasi. Kebimbangan pelabur tertumpu sewajarnya pada prospek tarif lebih tinggi, dan implikasi inflasi disebabkannya.

China berkemungkinan besar akan mengumumkan lebih banyak langkah rangsangan ketika Kongres Rakyat Kebangsaan pada Mac untuk melonjakkan dan menyokong ekonominya. Wujud risiko berhubung tarif yang dikenakan AS, yang berpotensi menjejaskan pretasi eksport China yang menggalakkan sehingga kini. Walaupun China telah mencapai sasaran pertumbuhan KDNK 5%, pakar ekonomi bersikap lebih berhati-hati untuk 2025 kerana mengambil kira kesan mungkin pelaksanaan tarif yang dirancang.

Di ASEAN, aliran keluar asing masih berlaku pada minggu-minggu terakhir 2024 apabila susana risiko rendah semakin ketara selepas mesej hawkish yang dikeluarkan oleh Fed dalam mesyuarat terakhirnya pada tahun ini. Cabaran mata wang masih kekal, dengan Rupiah Indonesia merupakan mata wang paling mudah terjejas. Kebimbangan Forex menyebabkan Bank Indonesia terus bertahan pada Disember, dan bank-bank pusat lain, kecuali Bangko Sentral ng Pilipinas, turut mengambil pendirian "tunggu dan lihat". Di peringkat makro, data PMI dan eksport semakin baik, dengan eksport elektronik mencapai pertumbuhan dua angka atas dasar tahun ke tahun di Malaysia dan Singapura, dengan didahului oleh eksport ke AS. Perkara ini mungkin disebabkan oleh dagangan di bawa ke depan (front-loaded) untuk mengelakkan kesan negatif tarif selepas Presiden Trump mengambil alih pentadbiran. Prospek terbaik untuk rantau ini bagi tahun 2025 adalah berhati-hati. Prospek untuk ekuiti ASEAN dijangka bertambah baik menjelang separuh kedua 2025 apabila pasaran memahami haluan dasar pentadbiran baharu AS, manakala penilaian saham dan pemilikan saham asing rendah kelihatan memberangsangkan.

Asas untuk Malaysia kekal kukuh, dengan kelulusan terus diberikan untuk Pelaburan Langsung Asing lebih kukuh, bersama dengan perkembangan menggalakkan di Wilayah Selatan. Jangkaan umum adalah pasaran ekuiti Malaysia terus mencapai pulangan positif untuk 2025, walaupun dengan prestasi lebih rendah berbanding yang telah dicapai pada 2024.

PROSPEK PASARAN PENDAPATAN TETAP 2025

Manakala pelabur Pendapatan Tetap pada 2024 perlu berhadapan dengan kemungkinan potongan kadar oleh bank-bank pusat utama, keghairahan dan kedudukan perdagangan pada kitaran potongan kadar mungkin tidak berulang pada 2025. Ketakpastian telah meningkat melebihi paras biasa, sebahagian besarnya disebabkan Fed yang terlalu bergantung pada data dan juga peralihan kepada pentadbiran baharu Trump. Walaupun umumnya telah dipersetujui bahawa inflasi akan lebih tinggi, USD yang lebih kukuh dan hasil lebih tinggi untuk tempoh lebih lama, kesemua perkara ini tidak semestinya berlaku. Sebahagian daripada dasar Trump, bergantung pada skala dan akibatnya, mungkin mengimbangi satu sama lain. Sebagai contoh, walaupun imigrasi dan tarif mungkin menyebabkan inflasi, desakan untuk kecekapan kerajaan dan pengurangan peraturan, dan janji Trump bagi membenarkan sumber minyak dan gas Amerika digunakan sepenuhnya ("drill, baby, drill") tidak mempunyai kesan yang sama. Selain itu, geopolitik juga memainkan peranan, dan beberapa konflik geopolitik masih lagi berterusan.

Walau apa pun, pendapatan tetap Malaysia dijangka akan terus mendapat manfaat daripada permintaan kecairan kukuh daripada pelabur dalam negeri dan bekalan lebih rendah sekuriti kerajaan pada 2025 pada waktu kerajaan terus berusaha untuk mencapai pengukuhan fiskal. Kadar Dasar Semalaman dijangka tidak berubah untuk tahun ini. Walaupun risiko kenaikan inflasi mungkin disebabkan oleh upah lebih tinggi, perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan, dan rasionalisasi subsidi bahan api, Bank Negara lebih berkemungkinan akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan memandangkan ketakpastian masa hadapan. Oleh itu, kami tetap berpandangan positif berhubung dengan pasaran Pendapatan Tetap Malaysia.

PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Gemilang



Dana Restu



PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Sejati



Dana Lion Balanced



Nota :
Ukur rujuk berwajaran diperolehi dari 50% wajaran pada pulangan 12 bulan simpanan tetap dan 50% wajaran pada masa ukur rujuk berwajaran untuk pulangan indeks FBM100

PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion Fixed Income



Dana Lion Growth



PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion Progressive



Dana Lion Strategic



Nota :
Ukur rujuk berwajaran diperoleh dari 50% wajaran pada pulangan 12 bulan simpanan tetap dan 50% wajaran pada masa ukur rujuk berwajaran untuk pulangan indeks FBM100

PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion US-i



Dana Lion UK-i



PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion AU-i



Dana Lion Asia Pac



PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion Enhanced Equity



Dana Lion Small Mid Cap



Nota :
Tanda Aras Berwajaran diterbitkan daripada 75% wajaran ke atas Jumlah Pulangan FBM70 dan 25% wajaran ke atas Jumlah Pulangan FBM Small Cap

PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion Advanced Strategic



Nota :
Tanda Aras Berwajaran diterbitkan daripada 70% wajaran ke atas pulangan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan 30% wajaran ke atas pulangan Indeks MSCI Asia ex Japan

Dana Lion ASEAN



PRESTASI DANA TAHUN 2024

Dana Lion Equity Global Sustainability



Nota :
Dana dimulakan pada 15 Januari 2024.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Gemilang		Dana Restu	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi ("FVTPL"):				
- Nilaian Wajib: Pendapatan Dividen	15,111,226	14,738,462	22,026,358	24,305,862
Kos Yang Dilunaskan ("AC"):				
Pendapatan Keuntungan	11,651	108,932	62,192	147,863
Tunai Dan Baki Bank: Pendapatan Keuntungan	486,160	679,630	1,147,739	1,467,046
Perbelanjaan Pelaburan	(1,863,583)	(605,772)	(2,170,367)	(2,026,141)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	933,200	1,588,621	1,954,283	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	54,732,226	-	129,559,381	-
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	2,087,510	-	-
Jumlah Pendapatan	**69,410,880**	**18,597,383**	**152,579,586**	**23,894,630**
Perbelanjaan Pengurusan	2,659	2,540	3,860	3,720
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	-	605,816
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	1,040,143	-	449,655
Caj Pelaburan	7,588,905	6,457,377	11,965,842	10,842,302
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	1,503,986	-	-	-
Jumlah Perbelanjaan	**9,095,550**	**7,500,060**	**11,969,702**	**11,901,493**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**60,315,330**	**11,097,323**	**140,609,884**	**11,993,137**
Cukai	(3,825,119)	72,522	(9,550,790)	898,737
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan) Selepas Cukai	**56,490,211**	**11,169,845**	**131,059,094**	**12,891,874**
Pendapatan/(Defisit) Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**4,318,206**	**(6,851,639)**	**313,657,080**	**300,765,206**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**60,808,417**	**4,318,206**	**444,716,174**	**313,657,080**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Sejati		Dana Lion Balanced	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	146,404	89,770	2,497,569	2,422,500
Pendapatan Dividen	3,783,448	2,125,500	59,872,060	52,876,218
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	12,265,581	12,121,593	43,269,468	34,566,785
AC:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	858,075	342,478	9,513,858	3,778,310
Tunai Dan Baki Bank:				
Keuntungan/Pendapatan Faedah	8,428	40,692	3,028,565	3,844,443
Perbelanjaan Pelaburan	(14,622)	(12,011)	(6,168,420)	(3,924,645)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	367,638	1,668,195	9,304,271	3,788,147
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	2,299,096	10,284,361	375,229,482	62,984,262
Lain-lain Pendapatan (Nota 4)	-	-	5,000	4,500
Jumlah Pendapatan	**19,714,048**	**26,660,578**	**496,551,853**	**160,340,520**
Perbelanjaan Pengurusan	2,061	1,685	16,903	14,179
Caj Pelaburan	1,792,354	1,511,703	31,444,835	23,544,869
Jumlah Perbelanjaan	**1,794,415**	**1,513,388**	**31,461,738**	**23,559,048**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**17,919,633**	**25,147,190**	**465,090,115**	**136,781,472**
Cukai	(1,435,046)	(2,012,518)	(32,761,062)	(7,009,694)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**16,484,587**	**23,134,672**	**432,329,053**	**129,771,778**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**110,061,693**	**86,927,021**	**336,604,940**	**206,833,162**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**126,546,280**	**110,061,693**	**768,933,993**	**336,604,940**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion Fixed Income		Dana Lion Growth	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Faedah	9,221,903	7,095,466	-	-
Pendapatan Dividen	15,388,314	14,252,699	22,527,971	22,655,453
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Pendapatan Faedah	113,796,286	102,054,621	-	-
AC:				
Pendapatan Faedah	13,212,081	2,241,695	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	1,550,301	5,879,996	906,248	728,519
Perbelanjaan Pelaburan	(127,124)	(103,277)	(2,244,013)	(1,826,608)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	5,426,809	7,031,826	454,613
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	22,122,148	74,626,086	115,045,723	27,385,330
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	1,613,683	892,138	-	-
Lain-lain Pendapatan (Nota 4)	55,250	18,000	-	-
Jumlah Pendapatan	**176,832,842**	**212,384,233**	**143,267,755**	**49,397,307**
Perbelanjaan Pengurusan	18,524	16,272	3,039	2,722
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	2,549,776	-	-	-
Caj Pelaburan	16,569,472	13,966,178	9,507,259	8,269,487
Jumlah Perbelanjaan	**19,137,772**	**13,982,450**	**9,510,298**	**8,272,209**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**157,695,070**	**198,401,783**	**133,757,457**	**41,125,098**
Cukai	(12,554,920)	(15,885,075)	(9,002,899)	(1,592,095)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**145,140,150**	**182,516,708**	**124,754,558**	**39,533,003**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**700,455,488**	**517,938,780**	**380,456,437**	**340,923,434**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**845,595,638**	**700,455,488**	**505,210,995**	**380,456,437**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion Progressive		Dana Lion Strategic	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Faedah	481,816	480,500	704,926	703,000
Pendapatan Dividen	37,523,347	35,153,280	101,432,042	86,835,278
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Pendapatan Faedah	4,294,716	4,350,397	9,184,934	8,496,645
AC:				
Pendapatan Faedah	-	-	-	248,535
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	858,925	1,107,806	1,450,575	2,672,404
Perbelanjaan Pelaburan	(2,807,146)	(1,304,307)	(3,237,039)	(2,443,333)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	8,876,384	1,894,779	-	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	155,469,167	23,572,896	548,030,686	42,216,121
Jumlah Pendapatan	**204,697,209**	**65,255,351**	**657,566,124**	**138,728,650**
Perbelanjaan Pengurusan	5,604	5,012	14,532	13,723
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	10,331,470	8,854,407
Caj Pelaburan	15,115,838	13,310,109	35,468,403	29,458,993
Jumlah Perbelanjaan	**15,121,442**	**13,315,121**	**45,814,405**	**38,327,123**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**189,575,767**	**51,940,230**	**611,751,719**	**100,401,527**
Cukai	(12,273,617)	(1,474,089)	(41,210,385)	(1,375,889)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**177,302,150**	**50,466,141**	**570,541,334**	**99,025,638**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**358,179,101**	**307,712,960**	**448,403,677**	**349,378,039**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**535,481,251**	**358,179,101**	**1,018,945,011**	**448,403,677**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion US-i		Dana Lion UK-i	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	1,412,049	816,676	271,551	263,287
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	14,352	4,842	1,183	520
Perbelanjaan Pelaburan	(15,300)	(9,756)	(7,170)	(6,169)
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	19,751,391	12,261,466	348,172	335,618
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	1,554,633	-	559,555
Jumlah Pendapatan	**21,162,492**	**14,627,861**	**613,736**	**1,152,811**
Perbelanjaan Pengurusan	507	275	37	34
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	157,584	295,983	29,713	20,641
Caj Pelaburan	766,127	374,108	53,090	47,893
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	2,594,896	-	246,603	-
Jumlah Perbelanjaan	**3,519,114**	**670,366**	**329,443**	**68,568**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**17,643,378**	**13,957,495**	**284,293**	**1,084,243**
Cukai	(1,913,141)	(1,335,952)	(22,729)	(86,911)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**15,730,237**	**12,621,543**	**261,564**	**997,332**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**23,502,997**	**10,881,454**	**3,395,346**	**2,398,014**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**39,233,234**	**23,502,997**	**3,656,910**	**3,395,346**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion AU-i		Dana Lion Asia Pac	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	484,967	580,077	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	1,241	6,193	649	717
Perbelanjaan Pelaburan	(9,659)	(29,908)	(36)	(80)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	5,558	118,433	-	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	772,041	939,307	353,523	109,280
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	636,876	-	118,300
Lain-lain Pendapatan (Nota 4)	-	-	17,229	14,409
Jumlah Pendapatan	**1,254,148**	**2,250,978**	**371,365**	**242,626**
Perbelanjaan Pengurusan	77	62	18	9
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	38,409	56,781
Caj Pelaburan	98,426	95,085	35,451	30,419
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	1,343,752	-	116,491	-
Jumlah Perbelanjaan	**1,442,255**	**95,147**	**190,369**	**87,209**
Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**(188,107)**	**2,155,831**	**180,996**	**155,417**
Cukai	(372)	(188,900)	(13,423)	(12,358)
Lebihan (Perbelanjaan Daripada Pendapatan)/ Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**(188,479)**	**1,966,931**	**167,573**	**143,059**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**8,101,236**	**6,134,305**	**728,310**	**585,251**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**7,912,757**	**8,101,236**	**895,883**	**728,310**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion Enhanced Equity		Dana Lion Small Mid Cap	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	96,886,252	72,175,449	1,293,548	864,785
AC:				
Pendapatan Faedah	216,630	365,000	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	2,819,674	3,500,490	144,872	110,107
Perbelanjaan Pelaburan	(8,723,634)	(8,340,970)	(422,373)	(301,458)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	4,954,671	-	1,739,871	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	478,137,609	9,394,870	11,293,042	4,705,750
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	31,682,145	-	243,868
Jumlah Pendapatan	**574,291,202**	**108,776,984**	**14,048,960**	**5,623,052**
Perbelanjaan Pengurusan	15,029	13,522	441	301
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	20,326,342	-	108,985
Caj Pelaburan	44,340,914	35,117,149	771,311	513,286
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	30,403,312	-	332,500	-
Jumlah Perbelanjaan	**74,759,255**	**55,457,013**	**1,104,252**	**622,572**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**499,531,947**	**53,319,971**	**12,944,708**	**5,000,480**
Cukai	(34,737,405)	292,415	(961,802)	(346,287)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**464,794,642**	**53,612,386**	**11,982,906**	**4,654,193**
Pendapatan/(Defisit) Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**30,597,822**	**(23,014,564)**	**2,601,269**	**(2,052,924)**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**495,392,364**	**30,597,822**	**14,584,175**	**2,601,269**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion Advanced Strategic		Dana Lion ASEAN	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:				
FVTPL - Nilaian Wajib:				
Pendapatan Dividen	2,275,007	1,316,839	134,375	96,043
FVTPL - Ditetapkan Mengikut Pengiktirafan Awal:				
Pendapatan Faedah	92,086	-	-	-
Tunai Dan Baki Bank:				
Pendapatan Faedah	56,222	79,285	7	5
Perbelanjaan Pelaburan	(363,863)	(130,663)	(29,371)	(33,567)
Keuntungan Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	-	-	55,651	-
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	5,835,967	-	852,392	-
Keuntungan Atas Pertukaran Mata Wang Asing	-	475,609	-	59,249
Jumlah Pendapatan	**7,895,419**	**1,741,070**	**1,013,054**	**121,730**
Perbelanjaan Pengurusan	884	340	36	25
Kerugian Bersih Daripada Penjualan Sekuriti	355,902	266,070	-	109,241
Kerugian Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	-	694,327	-	130
Caj Pelaburan	844,724	517,323	72,081	52,625
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	882,445	-	129,088	-
Jumlah Perbelanjaan	**2,083,955**	**1,478,060**	**201,205**	**162,021**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan) Sebelum Cukai	**5,811,464**	**263,010**	**811,849**	**(40,291)**
Cukai	(398,148)	30,276	(68,646)	6,907
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan/ (Perbelanjaan Daripada Pendapatan) Selepas Cukai	**5,413,316**	**293,286**	**743,203**	**(33,384)**
Pendapatan/(Defisit) Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**781,798**	**488,512**	**(15,304)**	**18,080**
Pendapatan/(Defisit) Tidak Diagih Ke Hadapan	**6,195,114**	**781,798**	**727,899**	**(15,304)**

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	Dana Lion Equity Global Sustainability 15.01.2024 hingga 31.12.2024 RM
Pendapatan Pelaburan Bersih:	
Tunai Dan Baki Bank:	
Pendapatan Faedah	3
Perbelanjaan Pelaburan	(2,453)
Keuntungan Pelaburan Bersih Belum Direalisasi	205,297
Jumlah Pendapatan	**202,847**
Caj Pelaburan	32,091
Kerugian Atas Pertukaran Mata Wang Asing	79,444
Jumlah Perbelanjaan	**111,535**
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Sebelum Cukai	**91,312**
Cukai	(10,061)
Lebihan Pendapatan Daripada Perbelanjaan Selepas Cukai	**81,251**
Pendapatan Tidak Diagih Dibawa Ke Hadapan	**-**
Pendapatan Tidak Diagih Ke Hadapan	**81,251**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Gemilang		Dana Restu	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	507,232,445	425,924,395	795,340,849	725,357,680
Sekuriti Hutang				
Sekuriti Ekuiti	502,764,927	378,431,058	795,340,849	676,281,639
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	4,467,518	12,493,337	-	4,076,041
Deposit Dengan Institusi Kewangan	-	35,000,000	-	45,000,000
Aset Cukai Tertunda	-	1,816,752	-	1,100,958
Cukai Yang Dikembalikan	1,555,517	74,226	399,615	3,591,260
Aset Lain (Nota 6)	4,570,342	445,227	873,228	4,692,267
Tunai Dan Baki Bank	32,048,966	36,026,358	78,950,008	45,520,049
Jumlah Aset	**545,407,270**	**464,286,958**	**875,563,700**	**780,262,214**
Liabiliti				
Liabiliti Cukai Tertunda	3,464,981	-	8,789,656	-
Pemiutang Lain (Nota 7)	5,791,242	204,154	1,589,882	4,687,107
Jumlah Liabiliti	**9,256,223**	**204,154**	**10,379,538**	**4,687,107**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**536,151,047**	**464,082,804**	**865,184,162**	**775,575,107**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	475,342,630	459,764,598	420,467,988	461,918,027
Pendapatan Tidak Diagih	60,808,417	4,318,206	444,716,174	313,657,080
Jumlah Ekuiti	**536,151,047**	**464,082,804**	**865,184,162**	**775,575,107**
Bilangan Unit-unit	**291,703,507**	**282,804,877**	**255,593,549**	**268,737,043**
Nilai Aset Bersih Seunit	**1.838**	**1.641**	**3.385**	**2.886**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Sejati		Dana Lion Balanced	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	385,103,120	335,712,440	3,526,156,814	2,637,173,231
Sekuriti Kerajaan Malaysia	31,485,450	95,823,955	594,035,720	357,408,840
Sekuriti Hutang	256,267,815	169,252,705	648,855,322	542,759,370
Sekuriti Ekuiti	76,849,855	37,335,780	2,049,265,772	1,481,560,021
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	-	-	-	5,445,000
Deposit Dengan Institusi Kewangan	20,500,000	33,300,000	234,000,000	250,000,000
Aset Lain (Nota 6)	8,483,175	5,953,336	16,451,231	22,845,506
Tunai Dan Baki Bank	4,050,858	186,419	56,088,311	78,320,018
Jumlah Aset	**397,637,153**	**341,852,195**	**3,598,696,356**	**2,738,338,755**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	1,358,735	1,236,886	11,760,228	330,155
Liabiliti Cukai Tertunda	742,494	666,863	26,400,034	5,538,674
Pemiutang Lain (Nota 7)	2,745	2,512	3,290,373	8,765,521
Jumlah Liabiliti	**2,103,974**	**1,906,261**	**41,450,635**	**14,634,350**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**395,533,179**	**339,945,934**	**3,557,245,721**	**2,723,704,405**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	268,986,899	229,884,241	2,788,311,728	2,387,099,465
Pendapatan Tidak Diagih	126,546,280	110,061,693	768,933,993	336,604,940
Jumlah Ekuiti	**395,533,179**	**339,945,934**	**3,557,245,721**	**2,723,704,405**
Bilangan Unit-unit	**119,749,676**	**107,748,315**	**632,511,686**	**557,450,758**
Nilai Aset Bersih Seunit	**3.303**	**3.155**	**5.624**	**4.886**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion Fixed Income		Dana Lion Growth	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	3,587,614,823	3,090,624,877	664,556,759	577,986,121
Sekuriti Kerajaan Malaysia	213,871,900	595,224,036	-	-
Sekuriti Hutang	2,509,183,438	2,042,841,853	-	-
Sekuriti Ekuiti	249,559,485	232,558,988	656,483,383	564,550,892
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	-	-	8,073,376	13,435,229
Deposit Dengan Institusi Kewangan	615,000,000	220,000,000	-	-
Cukai Yang Dikembalikan	-	-	-	916,686
Aset Lain (Nota 6)	54,694,695	50,297,197	3,061,770	1,279,315
Tunai Dan Baki Bank	7,346,646	8,717,038	21,248,802	20,960,808
Jumlah Aset	**3,649,656,164**	**3,149,639,112**	**688,867,331**	**601,142,930**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	11,484,980	10,451,315	3,645,793	-
Liabiliti Cukai Tertunda	2,520,664	1,455,200	7,938,666	2,674,869
Liabiliti Derivatif	26,413	2,619,789	-	-
Pemiutang Lain (Nota 7)	24,654	21,491	2,561,665	1,478,438
Jumlah Liabiliti	**14,056,711**	**14,547,795**	**14,146,124**	**4,153,307**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**3,635,599,453**	**3,135,091,317**	**674,721,207**	**596,989,623**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	2,790,003,815	2,434,635,829	169,510,212	216,533,186
Pendapatan Tidak Diagih	845,595,638	700,455,488	505,210,995	380,456,437
Jumlah Ekuiti	**3,635,599,453**	**3,135,091,317**	**674,721,207**	**596,989,623**
Bilangan Unit-unit	**930,058,699**	**837,811,683**	**270,972,372**	**290,788,905**
Nilai Aset Bersih Seunit	**3.909**	**3.742**	**2.490**	**2.053**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion Progressive		Dana Lion Strategic	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	1,132,560,625	1,010,900,880	3,060,214,526	2,537,431,335
Sekuriti Kerajaan Malaysia	12,988,530	23,610,110	103,520,560	70,268,410
Sekuriti Hutang	80,303,403	85,056,708	126,770,732	126,570,508
Sekuriti Ekuiti	1,039,268,692	898,337,378	2,766,523,195	2,284,132,425
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	-	3,896,684	63,400,039	56,459,992
Cukai Yang Dikembalikan	-	638,487	2,184,216	3,011,477
Aset Lain (Nota 6)	23,870,663	2,232,744	2,580,191	8,792,334
Tunai Dan Baki Bank	34,096,156	34,594,875	70,477,088	16,352,239
Jumlah Aset	**1,190,527,444**	**1,048,366,986**	**3,135,456,021**	**2,565,587,385**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	3,088,556	-	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda	12,647,737	3,506,147	56,959,600	13,686,749
Pemiutang Lain (Nota 7)	9,685,422	1,090,682	8,880,374	11,826,533
Jumlah Liabiliti	**25,421,715**	**4,596,829**	**65,839,974**	**25,513,282**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**1,165,105,729**	**1,043,770,157**	**3,069,616,047**	**2,540,074,103**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	629,624,478	685,591,056	2,050,671,036	2,091,670,426
Pendapatan Tidak Diagih	535,481,251	358,179,101	1,018,945,011	448,403,677
Jumlah Ekuiti	**1,165,105,729**	**1,043,770,157**	**3,069,616,047**	**2,540,074,103**
Bilangan Unit-unit	**253,173,779**	**265,860,967**	**939,007,662**	**952,051,763**
Nilai Aset Bersih Seunit	**4.602**	**3.926**	**3.269**	**2.668**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion US-i		Dana Lion UK-i	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	141,813,156	67,911,404	6,949,678	6,824,071
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	141,813,156	67,911,404	6,949,678	6,824,071
Aset Lain (Nota 6)	5,763,928	4,251,431	-	43,137
Tunai Dan Baki Bank	4,260,110	2,245,070	139,623	95,263
Jumlah Aset	**151,837,194**	**74,407,905**	**7,089,301**	**6,962,471**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	117,629	159,278	28,837	24,289
Liabiliti Cukai Tertunda	2,655,239	1,359,713	103,458	109,832
Pemiutang Lain (Nota 7)	716	660	122,312	523
Jumlah Liabiliti	**2,773,584**	**1,519,651**	**254,607**	**134,644**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**149,063,610**	**72,888,254**	**6,834,694**	**6,827,827**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	109,830,376	49,385,257	3,177,784	3,432,481
Pendapatan Tidak Diagih	39,233,234	23,502,997	3,656,910	3,395,346
Jumlah Ekuiti	**149,063,610**	**72,888,254**	**6,834,694**	**6,827,827**
Bilangan Unit-unit	**28,263,862**	**16,419,972**	**3,950,690**	**4,098,335**
Nilai Aset Bersih Seunit	**5.274**	**4.439**	**1.730**	**1.666**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion AU-i		Dana Lion Asia Pac	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	11,964,200	13,617,757	2,743,320	2,636,405
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	11,964,200	13,617,757	2,743,320	2,636,405
Aset Lain (Nota 6)	132,671	232,130	27,055	-
Tunai Dan Baki Bank	65,594	34,612	11,307	191,764
Jumlah Aset	**12,162,465**	**13,884,499**	**2,781,682**	**2,828,169**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	49,530	85,104	2,732	6,423
Liabiliti Cukai Tertunda	78,906	143,083	29,860	18,021
Pemiutang Lain (Nota 7)	94,626	109,574	38,199	605,600
Jumlah Liabiliti	**223,062**	**337,761**	**70,791**	**630,044**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**11,939,403**	**13,546,738**	**2,710,891**	**2,198,125**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	4,026,646	5,445,502	1,815,008	1,469,817
Pendapatan Tidak Diagih	7,912,757	8,101,236	895,883	728,308
Jumlah Ekuiti	**11,939,403**	**13,546,738**	**2,710,891**	**2,198,125**
Bilangan Unit-unit	**6,323,836**	**7,040,924**	**2,512,410**	**2,209,171**
Nilai Aset Bersih Seunit	**1.888**	**1.924**	**1.079**	**0.995**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion Enhanced Equity		Dana Lion Small Mid Cap	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	3,117,099,859	2,478,951,384	60,661,867	38,829,285
Sekuriti Ekuiti	3,094,336,041	2,340,011,116	59,421,200	37,396,007
Dana Amanah Unit Dan Hartanah	22,763,818	38,940,268	1,240,667	1,433,278
Deposit Dengan Institusi Kewangan	-	100,000,000	-	-
Cukai Yang Dikembalikan	-	4,380,717	-	-
Aset Lain (Nota 6)	11,366,399	3,569,799	1,154,737	650,628
Tunai Dan Baki Bank	141,173,879	111,171,150	7,782,149	4,101,125
Jumlah Aset	**3,269,640,137**	**2,598,073,050**	**69,498,753**	**43,581,038**
Liabiliti				
Peruntukan Untuk Pencukaian	3,993,872	-	720,049	10,685
Liabiliti Cukai Tertunda	34,768,393	5,169,620	467,977	241,586
Pemiutang Lain (Nota 7)	7,383,291	3,632,416	921,263	26,961
Jumlah Liabiliti	**46,145,556**	**8,802,036**	**2,109,289**	**279,232**
Nilai Aset Bersih Dana ("NAV")	**3,223,494,581**	**2,589,271,014**	**67,489,464**	**43,301,806**
Ekuiti				
Modal Pemegang Unit	2,728,102,217	2,558,673,192	52,905,289	40,700,537
Pendapatan Tidak Diagih	495,392,364	30,597,822	14,584,175	2,601,269
Jumlah Ekuiti	**3,223,494,581**	**2,589,271,014**	**67,489,464**	**43,301,806**
Bilangan Unit-unit	**1,450,717,633**	**1,369,984,663**	**47,294,649**	**38,422,188**
Nilai Aset Bersih Seunit	**2.222**	**1.890**	**1.427**	**1.127**

PENYATA ASET DAN LIABILITI

Pada 31 Disember 2024

	Dana Lion Advanced Strategic		Dana Lion ASEAN	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset				
Pelaburan (Nota 5)	74,311,388	44,868,354	5,125,312	3,661,774
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,375,885	23,610,110	-	70,268,410
Sekuriti Ekuiti	65,144,461	44,868,354	4,900,355	3,590,144
